

## **SOALAN LAZIM (FAQ) BANTUAN SARA HIDUP (BSH) 2019**

### **PEMBAYARAN RM100 BSH 2019 BAGI KATEGORI BUJANG**

1. **S: Siapakah yang layak menerima pembayaran RM100 BSH 2019?**

J: Penerima yang layak menerima bayaran RM100 BSH 2019 adalah merujuk kepada **pemohon yang lulus BSH 2018** bagi kategori berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori</b>
1.	Bujang (ada atau tiada tanggungan) berumur 59 tahun dan ke bawah (umur pada tahun 2019)
2.	Ibu / Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda (tiada tanggungan) berumur 59 tahun dan ke bawah (umur pada tahun 2019)

2. **S: Saya berstatus bujang tetapi telah disenaraihitam semasa BSH 2018, adakah saya layak menerima bayaran RM100 BSH 2019?**

J: Tidak. Bagi pemohon (kategori seperti jawapan soalan 1) yang telah disenaraihitam semasa BSH 2018 tidak layak menerima bayaran RM100 BSH 2019.

3. **S: Saya berumur 70 tahun dan berstatus Ibu / Bapa Tunggal tiada tanggungan semasa BSH 2018. Adakah saya layak menerima bayaran RM100 BSH 2019?**

J: Tidak. Bagi pemohon kategori Bujang atau Ibu / Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda tiada tanggungan yang berumur 60 tahun dan ke atas semasa tempoh BSH 2019 (umur pada tahun 2019) tidak layak menerima bayaran RM100 kerana telah menerima bayaran Fasa Pertama BSH 2019.

4. **S: Adakah pemohon lulus BSH 2018 yang telah meninggal dunia mendapat bayaran RM100 BSH 2019?**

J: Tidak. Bagi pemohon (kategori seperti jawapan soalan 1) yang telah meninggal dunia tidak layak menerima bayaran RM100 BSH 2019.

**5. S: Adakah saya perlu membuat pendaftaran permohonan BSH 2019 bagi menerima bayaran RM100 BSH 2019?**

J: Tidak perlu. Anda tidak perlu hadir ke Cawangan LHDNM bagi pendaftaran BSH 2019. Pembayaran akan dibuat berdasarkan maklumat BSH 2018.

**6. S: Bilakah Pembayaran RM100 BSH 2019 akan dilakukan?**

J: Pembayaran RM100 BSH 2019 akan dilakukan pada penghujung bulan Mac 2019. Tarikh sebenar pembayaran akan dimuktamadkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MoF).

**7. S: Bagaimanakah kaedah pembayaran RM100 BSH 2019?**

J: Kaedah pembayaran RM100 BSH 2019 adalah berdasarkan maklumat BSH 2018 seperti berikut:

- i. Ada Akaun - Pengkreditan ke akaun pemohon berdasarkan maklumat akaun bank yang telah didaftarkan semasa Permohonan BSH 2018
- ii. Tiada Akaun - Penunaian di Bank Simpanan Nasional (BSN) dengan membawa Surat Makluman BSH 2019 yang akan diposkan kepada pemohon

**8. S: Adakah maklumat permohonan BSH 2018 bagi penerima bayaran RM100 BSH 2019 akan dibawa ke Permohonan BSH 2019?**

J: Tidak. Data Penerima bayaran RM100 BSH 2019 tidak akan dibawa ke Permohonan BSH 2019.

**9. S: Adakah saya akan menerima bayaran seterusnya BSH 2019?**

J: Pembayaran RM100 BSH 2019 hanya dibayar secara *one – off* sahaja.

**10. S: Saya berstatus Bujang semasa BSH 2018, tetapi telah membuat Permohonan BSH 2019 dengan status Kahwin. Adakah saya layak menerima bayaran RM100 BSH 2019 dan bagaimana kelayakan Permohonan BSH 2019 yang telah saya buat?**

J: Anda layak menerima pembayaran RM100 BSH 2019 sekiranya termasuk dalam kategori seperti Jawapan bagi Soalan 1. Pembayaran RM100 BSH 2019 berkenaan tidak akan memberi kesan kepada Permohonan BSH 2019. Permohonan BSH 2019 yang telah dibuat oleh anda akan diproses mengikut syarat kelayakan BSH 2019.

**11. S: Saya berstatus Bujang semasa BSH 2018 dan telah membuat permohonan BSH 2019 dengan status Kahwin. Adakah saya perlu batalkan Permohonan BSH 2019 yang berstatus Kahwin berkenaan?**

J: Tidak perlu. Pembayaran RM100 BSH 2019 adalah berdasarkan data BSH 2018 dan tidak memberi kesan kepada Permohonan BSH 2019.

**12. S: Saya berstatus Bujang dan juga OKU semasa BSH 2018. Untuk Permohonan BSH 2019, ibu saya telah mendaftarkan saya sebagai anak di Permohonan BSH 2019 beliau. Adakah ibu saya boleh mengekalkan maklumat saya sebagai anak dalam Permohonan BSH 2019?**

J: Pembayaran RM100 BSH 2019 berkenaan tidak akan memberi kesan kepada Permohonan BSH 2019. Permohonan BSH 2019 ibu anda boleh dikekalkan dengan maklumat berkenaan.